

Manfaatkan kelebihan teknologi AI

Kemahiran tingkat daya saing wanita terus kekal relevan dalam pelbagai bidang

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Teknologi kecerdasan buatan (AI) ketika ini amat penting dalam kehidupan seharian kerana ia banyak membantu memudahkan urusan harian, termasuk meningkatkan daya saing dalam kalangan wanita.

Serentak itu, bagi golongan wanita untuk memastikan mereka dapat berdaya saing perlu cuba melihat bagaimana kerangka teknologi berkenaan dapat membantu dalam sudut pekerjaan, pencarian ilmu serta untuk kegunaan harian.

Felo Kanan Institut Masa Depan Malaysia (MASA), Prof Da-

tuk Dr Madeline Berma, berkata IA akan meninggalkan kesan positif dan negatif kepada pekerja dalam sektor pekerjaan tanpa mengira gender.

Katanya, kajian menunjukkan AI akan mengubah cara bekerja, tetapi bukan menggantikan pekerja.

“Dari segi positif, IA dapat mengurangkan kos operasi, memudahkan, mempercepat dan meningkatkan produktiviti pekerja. Ia juga menambah baik membuat keputusan dan analitik ramalan serta meningkatkan keselamatan.

“Dalam pada itu, semua pekerja, termasuk wanita perlu dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran baharu untuk memanfaatkan AI, selain mewujudkan lebih banyak peluang baharu namun tidak seharusnya disalahguna hingga memberi ancaman kepada diri,” katanya.

Pensyarah Jabatan Teknologi Komunikasi dan Rangkaian Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Zuriati Ahmad Zukarnain, berkata setiap individu perlu mengambil peluang memanfaatkan teknologi AI.

“Wanita sama ada berkerjaya atau ibu yang banyak mengurus keluarga, sistem AI ini sudah pasti akan banyak membantu, terutama dalam menjalani rutin kehidupan seharian.

“Sebagai contoh untuk ke sesuatu tempat, penggunaan aplikasi *Waze* atau *Google Maps* sebagai penunjuk arah sudah pasti dapat membantu mudah dan mempercepatkan rutin kehidupan seharian.

“Penggunaan ChatGPT juga tu-

“Dari segi positif, IA dapat mengurangkan kos operasi, memudahkan, mempercepat dan meningkatkan produktiviti pekerja”



Madeline Berma,
Felo Kanan Institut
Masa Depan
Malaysia (MASA)

rut membantu dalam memudahkan dokumentasi kerana ia dapat memberikan maklumat lebih lengkap berikutan kecerdasan algorithm digunakan.

“Malah, dengan teknologi AI terdapat alat yang menggunakan sensor internet kebendaan (IoT) dapat membantu petani memaklumkan keadaan tanah serta penyelesaian kepada masalah seperti penyakit pada tanaman,” katanya.

Justeru, wanita perlu sentiasa cakna dengan teknologi terkini supaya tidak ketinggalan dan berpengetahuan dan mahir menggunakannya teknologi itu.

“Pengetahuan dan kemahiran sangat penting dalam memastikan diri mereka tidak terdedah kepada sebarang bentuk ancaman.

“Ambil peluang yang ada iaitu sentiasa mengikuti perkembangan semasa berkenaan teknologi supaya tidak ketinggalan.

Tingkat kesedaran

Zuriati berkata, teknologi AI sebenarnya mempunyai lebih banyak kebaikan berbanding keburlukan jika pengguna mempunyai kesedaran yang tinggi.

Katanya, ada segelintir orang yang takut dengan teknologi terkini kerana merasakan ia sebagai ancaman kepada mereka.

“Jika tiada kesedaran sudah pasti kita akan ketinggalan. Jika kita sudah tahu mengenainya, sudah pasti kita bersedia untuk memahami dan menggunakannya.

“Oleh itu, setiap wanita perlu mempunyai kesedaran dan sentiasa bersedia menghadapi apa juga teknologi sedia ada dan yang akan mendatang,” katanya.

Apabila ditanya tahap kesedaran rakyat Malaysia terutama wanita di negara ini, teknologi AI ini sudah semakin luas.

Katanya, ramai wanita terutamanya sudah bijak menggunakan pelbagai aplikasi yang pintar dalam pelbagai sudut sekali gus membantu mereka lebih berdaya saing.

“Apabila ada aplikasi baharu muncul, mereka mula menggunakannya, secara tidak langsung tanpa mengira sesiapa pasti menggunakannya jika ada keperluan.

“Aplikasi itu kegunaan di tempat kerja, rumah dan kerja seharian,” katanya.